



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 21 DISEMBER 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	PAHANG PERKASA SEKTOR PERTANIAN NEGERI, ONLINE, SH SUNWAY GROUP CHIEF INNOVATION, ONLINE, THE EDGE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
3. 4. 5.	PERTANIAN MAMPU BERI PENDAPATAN LUMAYAN, KOMUNITI KITA, UM -42 PELAKON TERNAK KERBAU TERIMA GERAN, LOKAL, HM -16 'PASKAL' STAR GOES INTO BUFFALO BREEDING, VIEW, THE STAR -15	UNIT AGROPRENEUR MUDA (UAM)
6. 7. 8. 9. 10. 11. 12.	MAQIS RAMPAS BUAH MANDARIN RM100K, LOKAL, HM -16 MAQIS KEDAH RAMPAS 500 UNIT SERAT KELAPA DARI VIETNAM, NEGERI P.PINANG/PERAK, SH, 26 25 TAN LIMAU MANDARIN DISITA MAQIS, NEGERA, KOSMO -16 1,854 KOTAK LIMAU MANDARIN, 500 SERAT KELAPA DIRAMPAS, NASIONAL, BH - 23 25 TAN LIMAU MANDARIN DARI CHINA DIRAMPAS, NEGERI P.PINANG/PERAK, SH - 26 KARTEL 'KUASAI' PUSAT PERIKSA DAGING IMPORT, NASIONAL, BH -3 MEAT CARTEL 'BRIBING GOVT OFFICERS', NEWS/STORY OF THE DAY, NST -4	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
13.	PROGRAM PEMBIAYAAN MUDAH TANAM SEMULA (TSPKS) DAN INPUT PERTANIAN PEKEBUN KECIL SAWIT (IPPKS), NASIONAL, SH -5	AGROBANK
14. 15. 16.	COLLECTORS WILLING TO PAY THOUSANDS FOR RARE DAUN KELADI, NATION, THE STAR -6 'RAJA BUAH' BAHARU RUGI RM10 JUTA, DALAM NEGERI, UM -13 HABIS BUNGA HARUMANIS JADI HITAM, ROSAK, DALAM NEGERI, HM -13	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/12/2020	SINAR HARIAN	ONLINE	

PAHANG PERKASA SEKTOR PERTANIAN NEGERI



LIPIS - Langkah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mewujudkan Unit Agropreneur Muda adalah tindakan tepat supaya lebih ramai golongan muda menjadikan sektor pertanian sebagai kerjaya.

Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata, ketika ini negara kekurangan pelapis dalam kalangan generasi muda untuk memperhebat serta meneruskan kerancangan sektor pertanian negara termasuk di Pahang.

Menurutnya, sektor pertanian ketika ini banyak diusahakan mereka yang berusia menyebabkan sektor itu kurang produktif serta agak ketinggalan berbanding beberapa negara lain.



"Kita sedia maklum pihak MAFI kini sedang giat mencari kaedah terbaik dalam memastikan kecukupan bekalan makanan dan Pahang yang mempunyai potensi besar dalam sektor ini sedia memberi kerjasama," katanya menerusi teks ucapan yang dibacakan oleh Ahli Parlimen Cameron Highlands, Ramli Mohd Noor sempena perasmian Program Jelajah Agropreneur Muda Peringkat Negeri Pahang di Sungai Koyan di sini semalam.

Ramli (dua dari kanan) dan Abdul Rahman (kiri) mengiringi Ahmad (dua dari kiri) menyampaikan Geran Agropreneur Muda kepada wakil penerima sempena Program Jelajah Agropreneur Muda Peringkat Negeri Pahang di Sungai Koyan pada Sabtu.

Hadir sama, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah dan Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar 1, Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad.

Tambah Wan Rosdy, sebagai negeri terbesar di Semenanjung Malaysia dengan keluasan 3.6 juta hektar, Pahang masih banyak tanah yang boleh diusahakan untuk sektor pertanian.

Headline	Sunway Group chief innovation		
MediaTitle	The Edge		
Date	21 Dec 2020	Color	Full Color
Section	Corporate	Circulation	25,910
Page No	72	Readership	77,730
Language	English	ArticleSize	152 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,637
Frequency	Weekly	PR Value	RM 7,912



1 (From left) Sunway Group chief innovation officer and Sunway iLabs director Matthijs van Leeuwen, Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, Sunway Group chairman and founder Tan Sri Dr Jeffrey Cheah (who is also a member of the National Agriculture Advisory Council or MPPN) and Sunway iLabs Ventures head Eleanor Choong at Malaysia's first urban farming innovation hub, Sunway FutureX Farm. The minister was introduced to the agri- and food-tech start-ups under the Sunway iLabs Super Accelerator programme.





Pertanian mampu beri pendapatan lumayan

PROGRAM Agropreneur Muda dan Tanah Terbiar 2020 anjuran Pusat Khidmat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bakar Arang berlangsung di Pusat Edittute Tuisyen Center Bakar Arang, Sungai Petani, Kedah baru-baru ini.

Urusetia program itu, Adam Loh Wei Chai berkata, seramai 35 peserta mengikuti program dan mendengar ceramah disampaikan oleh pegawai di Jabatan Pertanian Daerah Kuala Muda, Tuan Rohana Tuan Muda dan Noriah Abdullah.

Katanya, tujuan diadakan program itu bagi memupuk orang

ramai terutama generasi muda supaya mencubakan diri dalam bidang pertanian secara aktif.

ADUN Bakar Arang, Simon Ooi Tze Min pula ketika merasmikan program itu berkata, kerjaya dalam bidang pertanian dan ternakan jika dikendalikan dengan bersungguh-sungguh tanpa jemu boleh memberi pendapatan lumayan.

■ SEBAHAGIAN peserta Program Agropreneur Muda dan Tanah Terbiar 2020 di Pusat Edittute Tuisyen Center Bakar Arang, Sungai Petani baru-baru ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/12/2020	HARIAN METRO	LOKAL	16

Pelakon ternak kerbau terima geran



PELAKON popular yang mengusahakan ternakan kerbau, Amerul Effendi, 35, menunjukkan geran Agropreneur Muda sebanyak RM195,000 untuk 10 peserta yang diterima pada Program Jelajah Agropreneur Muda (JAM) 2020 negeri Pahang di Sungai Koyan, kelmarin.

'Paskal' star goes into buffalo breeding

ACTOR Mohd Amerul Affendi Mohd Mawardi has ventured into buffalo breeding as he sees a great potential in tapping the market, *Kosmo!* reported. Amerul, 35, who acted in hit movies such as *Paskal*, *Buronghari* and *Polis Evo*, said he had no problem venturing into animal husbandry because his grandfather was a cattle farmer.

"I am a kampung boy, and I am used to farm animals," he said.

Amerul recently received a young agropreneur grant amounting to RM195,000 from the Agriculture and Food Industry Ministry.

He said he would use the funds to repair his buffalo shed which was built four years ago with repurposed materials.

He said one of the main challenges he faced was livestock theft, especially during the festive season.

Amerul is not giving up on his acting job though, as his father can take care of the farm in Temerloh, Pahang, whenever he is away.

> Teenager Syiah Nasitah Ishak, 17, has sold her anime drawings to



New venture: Amerul posing with the mock cheque for RM195,000.

fans in Canada and United States, *Mingguan Malaysia* reported.

Syiah started drawing to pass time while recuperating from spi-

She said the anime fan in Canada bought her Violet Evergarden painting for RM180.

She had an received RM260 commission from a fan in the United States.

Syiah said her late grandfather Mansor Yusop had inspired her to pursue her interest in art work.

The girl from Seremban hoped to pursue her studies in animation.

> Famous lyricist Habsah Hassan says it is worth penning evergreen songs because it can generate royalty payment for a long time, *Sinar Harian* reported.


Habsah, 71, noted that not all hit songs would remain popular.

She said the focus should be on creating evergreen songs to sustain prolonged income.

Among Habsah's evergreen songs were *Merisik Khabar* (made popular by the late Datuk Sudirman Arshad), *Menaruh Harapan* (Zaiton Sameon), *Hanya Dia Di Hati* (Datuk Seri Siti Nurhaliza) and *Antara Yakin dan Curiga* (Jamal Abdullah).

them on her Instagram.

Maqis rampas buah mandarin RM100k



Butterworth: Lebih 25 tan limau mandarin bernilai lebih RM100,000 (*gambar*) yang dibawa masuk ke negara ini dirampas Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pulau Pinang di Terminal Kontena Butterworth Utara (NBCT) di sini, Jumaat lalu.

Operasi dilakukan jam 5.40 petang itu oleh sepasukan anggota penguat kuasa apabila membuat pemeriksaan ke atas sebuah kontena dari China yang baharu masuk ke pelabuhan itu.

Pengarah Maqis negeri, Zarina Ramli berkata, pemeriksaan yang dijalankan mendapati terdapat 1,854 kotak mengandungi limau mandarin seberat 25,956 kilogram (kg) bernilai RM108,887.

“Siasatan yang dijalankan mendapati ia melanggar syarat permit import iaitu gagal mematuhi Pengredan, Pembungkusan dan Perlabaran (3P) sebagaimana yang dinyatakan dalam sijil 3P.”

“Justeru, Maqis merampas semua limau mandarin

itu untuk siasatan lanjut,” katanya, semalam.

Menurutnya, perbuatan mengimport keluaran pertanian tidak mematuhi piawaian yang dikehendaki pada permit import Maqis adalah kesalahan mengikut Seksyen 15(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

Jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara-kan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/12/2020	SINAR HARIAN	NEGERI P.PINANG/PERAK	26

Maqis Kedah rampas 500 unit serat kelapa dari Vietnam

LANGKAWI - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Kedah merampas 500 unit serat kelapa yang dibawa masuk dari Vietnam tanpa sijil fitosanitasi bernilai RM962 di Kompleks Kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi (LIA) petang Sabtu.

Pengarah Maqis Kedah, Lily Rosalind Paul berkata, rampasan

dilakukan semasa pemeriksaan rutin oleh pegawai jabatan tersebut pada jam 2 petang.

“Semasa pemeriksaan, pegawai Maqis mendapati pihak pengimport gagal mengemukakan sijil fitosanitasi semasa kemasukan sepertimana yang ditetapkan dalam syarat permit import.

“Kegagalan untuk mengemukakan maklumat itu adalah

menjadi satu kesalahan di bawah Seksyen 15(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang mana jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau keduanya sekali di bawah Seksyen 15(2) akta sama,” katanya dalam satu kenyataan pada Ahad. - *Bernama*



SEBAHAGIAN limau mandarin yang disita Maqis di Terminal Kontena Butterworth Utara, Seberang Perai, Jumaat lalu.

25 tan limau mandarin disita Maqis

SEBERANG PERAI - Cubaan membawa masuk lebih 25 tan limau mandarin yang tidak mematuhi syarat berjaya digagalkan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis), Jumaat lalu.

Pengarah Maqis negeri, Zarina Ramli berkata, rampasan dibuat pihaknya dalam satu pemerik-

saan di Terminal Kontena Butterworth Utara (NBCT) di sini kira-kira pukul 5.40 petang.

Menurutnya, sebuah kontena melanggar syarat permit import iaitu gagal mematuhi Pengredan, Pembungkusan dan Perlabelan (3P) sebagaimana yang dinyatakan dalam sijil 3P.

"Sitaan membabitkan 1,854 kotak limau mandarin dianggarkan bernilai RM108,887.14 yang disita bagi siagatan lanjut," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Kes disiasat mengikut Seksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/12/2020	BERITA HARIAN	NASIONAL	28



Limau mandarin dan serat kelapa dirampas MAQIS di Pulau Pinang dan Kedah baru-baru ini. (Foto ihsan MAQIS)

1,854 kotak limau mandarin, 500 serat kelapa dirampas

MAQIS Pulau Pinang, Kedah kesan barangan langgar permit import

Oleh Nur Izzati Mohamad dan Hamzah Osman
bhnews@bh.com.my

Butterworth: Lebih 25 tan limau mandarin bernilai lebih RM100,000 yang dibawa masuk ke negara ini dirampas Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Pulau Pinang ketika melakukan pemeriksaan ke atas sebuah kontena di Terminal Kontena Butterworth Utara (NBCT) di sini, Jumaat lalu.

Dalam operasi jam 5.40 petang itu, sepasukan penguat kuasa MA-

QIS mendapati sebuah kontena dari China yang baru masuk ke pelabuhan berkenaan lalu menjalankan pemeriksaan ke atas barangan yang dibawa.

Pengarah MAQIS negeri, Zarina Ramli, berkata pemeriksaan mendapati terdapat 1,854 kotak mengandungi limau mandarin seberat 25,956 kilogram (kg) bernilai RM108,887.14.

Katanya, siasatan mendapati ia melanggar syarat permit import iaitu gagal mematuhi Penggredan, Pembungkusan dan Pelabelan (3P) seperti dalam sijil 3P.

"Oleh itu, pihak kita membuat rampasan ke atas semua limau mandarin itu untuk siasatan selanjutnya," katanya dalam kenyataan, di sini, semalam.

Beliau berkata, perbuatan mengimport keluaran pertanian tidak mematuhi piawaian yang dikehendaki pada permit import MAQIS adalah satu kesalahan men-
sikut Seksyen 15(1), Akta Per-

khidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].

Katanya, sabit kesalahan, terduduh boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya.

Di Langkawi, MAQIS Kedah merampas 500 unit serat kelapa bernilai hampir RM1,000 di Kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi (LTAL) di sini, kelmarin.

Pengarah MAQIS Kedah, Lily Rosalind Paul, berkata hasil pemeriksaan rutin anggota yang bertugas mengesan hasil pertanian dari Vietnam itu cuba dibawa masuk ke negara ini pada jam 2 petang.

"Kami dapati pihak bertanggungjawab gagal mengemukakan sijil fitosanitasi ditetapkan dalam syarat permit import.

"Berikutan itu 500 unit serat kelapa bernilai RM962 dirampas untuk siasatan lanjut" katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/12/2020	SINAR HARIAN	NEGERI P.PINANG/ PERAK	26

25 tan limau mandarin dari China dirampas

Kontena yang membawa limau bernilai RM108,887 itu tidak mematuhi syarat permit import

Oleh SYAJARATULHUDA MOHAMAD ROSLI

BUTTERWORTH

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pulau Pinang merampas 25 tan buah limau mandarin dari China yang tidak mempunyai permit sah.

Kesemua limau seberat 25,956 kilogram (kg) yang dianggarkan bernilai RM108,887 itu cuba diseludup masuk ke negara ini.

Pengarah Maqis Pulau Pinang, Zarina Ramli berkata, rampasan dibuat sewaktu pemeriksaan dilakukan di Pelabuhan Pengkalan Kontena Butterworth Utara (NBCT) jam 5.42 petang Jumaat lalu.

"Pemeriksaan mendapati kesemua kontena tersebut membawa 25,956kg limau yang dianggarkan



Sebanyak 25 tan limau mandarin dari China dirampas Maqis Pulau Pinang pada Jumaat lalu.

bernilai RM108,887 didapati tidak mematuhi syarat permit import yang ditetapkan Maqis.

"Siasatan yang dijalankan mendapati ia melanggar syarat permit import iaitu gagal mematuhi Pengredan, Pembungkusan dan Perlabelan (3P) sebagaimana yang dinyatakan dalam sijil 3P," katanya dalam satu kenyataan di sini pada Ahad.

Katanya, semasa membuat pemeriksaan, pihaknya mendapati se-

banyak 1,854 kotak limau mandarin itu tidak mematuhi syarat import sepertimana yang ditetapkan.

"Berikutan kesalahan itu, tindakan diambil mengikut Seksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011.

"Jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak lebih RM100,000 atau dipenjara enam tahun atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan," katanya.

Kartel 'kuasai' pusat periksa daging import

Pegawai agensi tertentu 'dibeli' lepassi pemeriksaan di pintu masuk negara

Oleh Suzalinda Halid
suzalinda@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kartel yang mendalangi penyediaan daging import dari negara sumber tidak sah, termasuk diragui status halal dan kualitinya, dipercayai 'membeli' beberapa kakitangan kerajaan, termasuk pegawai kanan agensi tertentu bagi melepasi pemeriksaan di pintu masuk negara.

Wang ringgit dan habuan berlibur dikatakan diguna bagi me-rasuah pegawai terbabit sebagai dorongan 'melepaskan' barangan yang diimport tanpa mengikut peraturan ke pasaran negara ini.

Sumber yang rapat dengan siasatan kes terbabit, mendakwa kartel mempunyai 'orang dalam' pada semua peringkat prosedur dan pemeriksaan di pintu masuk, menyebabkan mereka kekal se-hingga mampu beroperasi sejak lebih 40 tahun lalu.

"Modus operandi kartel adalah 'membeli' kakitangan agensi kerajaan tertentu. Segala-galanya dirancang teliti, dari loji penyembelihan hingga pintu masuk di pelabuhan, kartel sudah atur kerajaan untuk memudahkan urusan keluar masuk lori dari pelabuhan," katanya.

Berhassan rekod Jabatan Per-

khidmatan Veterinar (JPV), serikat ini Malaysia meluluskan 28 rumah sembelih lembu dari Australia, Brazil, Pakistan dan Afrika Selatan, selain 11 rumah sembelih kerbau dari India dan Pakistan.

Semua rumah sembelihan itu sudah menjalani pemeriksaan an-dit oleh JPV dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) serta Kementerian Kesihatan (KKM) sebelum kelulusan diberikan. Pemeriksaan ke atas rumah sembelih di negara sumber juga dilakukan.

Selain JPV dan JAKIM, agensi lain mengawal selia urusan import bekalan daging ke Malaysia yang membabitkan beberapa peringkat adalah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) serta Polis Pelabuhan.

Sumber berkenaan mendakwa, selain negara sumber yang di-luluskan, kartel dipercayai membeli bekalan daging dari loji sembelihan di Kanada, Colombia, Ukraine, United Kingdom, Uruguay, Sepanyol, Mexico, Bolivia, Paraguay, Hong Kong dan China.

"Selain daging pejal, organ lain turut diseluput seperti paru, ekor, perut dan tulang leher. Dalam usaha menyeludup bekalan daging dari negara tidak diiktiraf ini,



Daging sejuk beku dipercayai dibungkus semula dengan logo halal palsu disimpan dalam gudang diperiksa pihak berkuasa di Taman Perindustrian Senai, Johor awal bulan ini. (Foto BERNAMA)

kartel membina rangkaian membabitkan penjawat awam dalam agensi tertentu," katanya.

Karannya, sogokan dirusakan orang perantaraan yang sudah mahir dengan birokrasi di pintu masuk negara dan mengemudi orang dalam yang bertugas pada masa tertentu bagi meluluskan pergerakan keluar barangan.

"Kartel ini mempunyai orang dalam pada semua peringkat. Penjawat awam yang menjadi tali bantut akan menerima sogokan setiap kali mengendali pelepasan masuk daging import berkenaan ke negara ini," katanya.

Sumber itu juga mendakwa, selesai urusan peringkat pertama iaitu pemeriksaan audit kualiti dan halal, kartel tidak akan berdepan masalah melepasi pelabuhan, khususnya di tiga pelabuhan utama, iaitu Pelabuhan Kelang (PKFZ), Pelabuhan Barat dan Pelabuhan Utara.

Katanya lagi, penyediaan daging import sejuk beku diragui statusnya yang dibungkus semula di negara ini dan ditampal tanda halal palsu sebenarnya sudah lama berlaku, didalangi syarikat milik bakan Bumiputera yang membentuk kartel menggunakan beberapa syarikat Bumiputera se-

bagai proksi.

"Walaupun syarikat proksi terbabit mempunyai kebenaran mengimport dari negara sumber yang dipraktiki status halalnya, kartel cenderung membawa masuk daging sejuk beku yang diragui status halal kerana memolehnya pada harga lebih murah, sekali gus dapat meraih keuntungan lebih besar.

"Harga murah, antaranya kerana tertakan ada masalah kesihatan, selain loji penyembelihan tidak sah dan memproses daging tidak halal. Walaupun dikirar daging lembu, bekalan yang dibawa masuk sebenarnya daripada pelbagai ternakan, termasuk kerbau dan kuda dengan kaedah sembelihan diragui.

"Tindakan ini semata-mata mahu mengujar keuntungan tanpa mengiktiraf implikasi kesihatan pengguna yang diragui status kesihatan dan halal," kata sumber berkenaan.

Katanya, jika kakitangan kerajaan dalam rantaian pengawasan dan pemeriksaan tidak berkompromot dengan kartel, mustahil sejumlah besar daging import dari negara tidak diluluskan berjaya keluar dari pelabuhan negara dan dibawa ke gudang milik kartel.

"Rampasan 30 tan daging sejuk beku dibungkus semula dengan menggunakan tanda halal palsu di Johor awal bulan ini, adalah sebahagian bukti kegiatan kartel dibantu oleh penjawat awam yang menyahgunakan kuasa," katanya.

Mengulas lanjut modus operandi di kartel beliau berkata, syarikat terbabit dipercayai sudah diberi penerangan mengenai operasi di pelabuhan termasuk jualan pengeluaran kakitangan dan bagi melepasi pemeriksaan, mereka mengemukakan dokumen palsu atau borang K3, iaitu kebenaran untuk transit bekalan sabaja.

"Sebagai contoh, jika orang dalam ditugaskan di laluan nombor tiga, kontena membawa barang sahutp ini akan melalui laluan itu dan melepasi pemeriksaan. Habuan diberikan secara tunai kepada kakitangan di situ," katanya menambahkan, pengimport ju-ga perlu mengisi borang KI.

Borang KI adalah pengesahan raman pemindahan barang dagangan dari satu zon bebas ke zon bebas yang lain melalui kawasan utama kastam, manakala borang KI pula ialah bagi pengesahan dagangan import yang dibawa keluar dari zon bebas ke kawasan utama kastam.

MEAT CARTEL 'BRIBING GOVT OFFICERS'

Senior officers from 4 agencies may be aiding fake halal meat cartel that has been operating for 40 years

MOHAMED BASYIR
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

SENIOR officers from no fewer than four government agencies are believed to be working hand-in-glove with a cartel specialising in bringing non-certified meat into Malaysia and passing it off as halal-certified products.

These senior officers, entrusted with the responsibility of ensuring that halal standards are upheld, have instead received money, and in some cases even women for sex, as bribes in order to turn a blind eye to the cartel's operations and ensure that the its activities go undetected.

It is understood that the cartel has been in operation for more than 40 years.

It is believed the cartel imports meat from non-halal-certified slaughterhouses in a few countries, such as Brazil, Bolivia, Canada, Colombia, Spain and Mexico.

The only countries that have been certified by the Malaysian authorities for the import of halal meat are Australia, Argentina, Brazil, India, South Africa, Pakistan, Japan, New Zealand and the United States, with imports handled by the Malaysia Islamic Development Department and Veterinary Services Department.

The Malaysian Quarantine and Inspection Services Department, Customs Department and port police, meanwhile, are in charge of managing the supplies once they enter Malaysian ports.

The cartel's years of operations means it has a solid system to ensure the products — from the slaughterhouses until they leave the ports for the markets — escape official scrutiny.

Sources speaking to the *New Straits Times* said the process began abroad, where government agency officers entrusted with supervising the quality of the meat at the slaughterhouses would sign off on the products whether or not they met Malaysia's rigorous halal and quality standards.

A source said in some cases, the officers, after being bribed, would sign off on the products even before they arrived at meat processing plants for checks.

"Two agencies are largely re-



A woman looking at meat products at a shop in a major city. PIC BY ASWADI ALIAS

sponsible for issuing approvals for products from meat processing plants abroad. But the sheer number of meat products from plants of dubious quality entering Malaysia has raised questions about the system's effectiveness."

The source said once the cartel bypassed the first stage of inspections, it faced few problems bringing the products into the country via the country's ports.

The three main areas of entry for shipments, the source said, were the Port Klang Free Zone, Westport and Northport.

The cartel, said the source, had over the years worked to secure "representatives" in government agencies based at the ports.

This, said the source, was made possible only with the involvement of very senior officers from agencies working with the cartel.

"One modus operandi involves using the Customs' K8 form when the products enter the port. The K8 form means a shipment can only transit in Malaysia before being shipped out elsewhere.

"In this case, thanks to corrupt

officers, the shipment, despite being declared as K8, passes instead through another channel.

"The officer manning the channel would receive a cash bribe from a 'runner' to greenlight the cargo to leave the port via trucks.

"This runner, a civilian, deals directly with the agency's senior officer," said the source.

The goods, said the source, would then be taken to one of several warehouses, where the meat would be mixed with halal-certified meat and repacked with fake halal logos, then enter the market.

The source said the cartel did this because importing halal meat from certified sources and getting them approved by the authorities was a costly endeavour.

"As such, by eliminating the halal-certification process, the cartel stands to make a hefty profit."

The source said wholesalers and traders were then more inclined to source cheaper goods.

"As the cartel gives an assurance that the products are halal-certified, this ensures that there is a healthy demand for their goods."

Mufti: Not a sin to unknowingly consume non-halal products

KUALA LUMPUR: Muslims have been urged to remain calm and not panic over the revelation that

a cartel has been shipping in non-certified meat and passing them off as halal products.

Penang Mufti Datuk Wan Salim Wan Mohd Noor said the act of consuming non-halal meat was not a sin if one truly did not know it was not halal.

He said *niat* (intention) was a key principle in Islam and in this case, it was not one's intention to consume non-halal meat.

"If one was deceived into thinking that the meat they consumed is halal when it is not, there is no

issue as there was no *niat*.

"Allah is Most Merciful, He will forgive such actions," he told the *New Straits Times*.

But he urged Muslims to exercise caution as they were now aware of the matter.

He said people should educate themselves on how to identify halal labels for products, especially on imported goods.

"If one is unsure whether a product is properly halal, it is better to avoid it altogether as this is the *sunnah* of the Prophet," he said.

"The authorities must also ensure that all halal-imported meat is from certified halal sources."



Datuk Wan Salim Wan Mohd Noor

TARIKH

MEDIA

RUANGAN

MUKA
SURAT

21/12/2020

SINAR
HARIAN

NASIONAL

5

BANK PERSEKUTUAN MALAYSIA BERHAD 202001000221 (81178) (9)



KEMENTERIAN PERKESAHAN
PELADANGAN DAN KUMBUH



Program Pembiayaan Mudah Tanam Semula (TSPKS) dan Input Pertanian Pekebun Kecil Sawit (IPPKS)

TSPKS dan IPPKS merupakan dua (2) jenis skim pembiayaan mudah untuk pekebun kecil persendirian dalam membantu meringankan beban kewangan pekebun kecil melaksanakan aktiviti penanaman semula sawit bagi meningkatkan hasil buah tandan segar (BTS) serta pendapatan pekebun kecil sawit dan negara.



Untuk keterangan lanjut,
sila hubungi Kod QR



#SawitAnugerahTuhan



www.agrobank.com.my



[www.facebook.com / Agrobank](http://www.facebook.com/Agrobank)



@AgrobankMy



AgrobankTV

Collectors willing to pay thousands for rare daun keladi

By STEPHANIE LEE
stephanielee@thestar.com.my

KOTA KINABALU: For most people, it's just a wild plant near their backyard drain.

But for the keen collector, certain species of daun keladi can fetch up to thousands of ringgit.

Nursery owner Mellisa Loh said she could sell up to RM3,500 per pot for rare ones.

She said the RM3,500 *Alocasia machorizza* variegated plant was much sought after.

"Collectors and plant enthusiasts love the leaf designs.

"The rarer it is, the more difficult to cultivate and propagate, the pricier it will be," she said.

Loh, 35, said there were "trends" in the public demand for plants.

"We can never predict or understand why a certain plant can be so expensive at certain times, but that's the way it is," she said, referring to

why daun keladi was now the "in" thing.

In fact, there was a heated debate online recently between sellers and netizens over the price of daun keladi.

The "fans" vouched about its value, but others dismissed it by saying the plant could be seen everywhere in their village backyard.

Dr Rhema Maripa, who is a senior lecturer in ecophysiology at Universiti Malaysia Sabah, said the pricing of these plants would seem to be worth it for the collectors.

Although these species may look alike to the untrained eye, she said the specific plant identification (ID) actually varies.

"This is what makes the price differ.

"So it is up to the person to know whether he is overpaying or not," she said.

A plant expert, who declined to be named, said the price of these plants,

scientifically known as *caladium*, would vary depending on where they are found.

"For those easily found, of course they are cheaper.

"But for a specific ID which is hard to find or rarely seen in Sabah, it would definitely be costlier," the expert said.

He said the hype among planters who were willing to spend hundreds and even thousands of ringgit just for a plant solely depends on the person's interest.

"It also depends on the marketing strategy of the seller," he said.

For the newbie gardeners, he advised them to at least equip themselves with some knowledge of the plants they want to get to avoid being cheated.

The expert said species like the *Caladium bicolor* were not so rare or exotic but they would still "definitely not just be lying around in drains".



Moneymaker: Loh (second from right) and her nursery staff posing with the huge rare plant which she sells for RM3,500 per pot.

Harga harumanis boleh cecah RM50

'Raja buah' baharu rugi RM10 juta

MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB
hafiz.mutalib@mediamulla.com.my

ARAU: Pengeluaran mempelam harumanis tahun depan dijangka merosot 20 peratus dengan kerugian mencecah RM10 juta berikutan hujan berterusan sekitar Disember sekali gus menyebabkan pertumbuhan buah berkenaan terjejas.

Jika berlaku kekurangan hasil itu, harga buah mempelam berkenaan juga dijangka boleh melonjak sehingga RM50 sekilogram berbanding harga pasaran semasa RM35.

Pengeluaran harumanis di kawasan seluas 1,480 hektar di negeri ini pada musim lalu sebanyak 2,100 tan dengan nilai RM42 juta dan hasil dijangka merosot kepada 1,800 tan tahun depan.

Lazimnya, sekitar November dan Disember harumanis mula berbunga namun disebabkan hujan sepanjang bulan ini menyebabkan bunga tersebut rosak dan bertukar hitam, sekali gus menjejaskan kualiti buah.

Berikutan itu, para pengusaha terpaksa memotong bunga terse-



SEORANG pengusaha Abdul Rahman Hussin menunjukkan bunga mempelam harumanis rosak berwarna hitam di kebun miliknya di Kampung Pulau, Simpang Empat, Perlis semalam. - UTUSAN/ MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB

but dan berharap pengeluaran bunga baharu, lantas menganggabil masa berbulan-bulan pula untuk menghasilkan buah yang berkuliti.

Musim pengeluaran mempelam harumanis adalah sekitar Mac hingga Mei dengan kira-kira 2,292 pengusaha yang berdaftar dengan Jabatan Pertanian negeri ini mula resah dan terpaksa

berdepan kerugian apabila dijangka hasil mereka merosot sehingga 50 peratus.

Difahamkan situasi itu pertamakali berlaku memandangkan Perlis ketika ini dalam musim angin timur dengan sepatutnya cuaca panas khususnya pada Disember. Namun pada Disember tahun ini, sebaliknya berlaku apabila hujan dilibat berterusan.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Nurulhisham Yaakob berkata, pada tahun depan dijangka berlaku kekurangan hasil mempelam harumanis berikutan hujan lebat ketika ini yang menyebabkan bunga menjadi hitam. Katanya, jika menghasilkan buah sekali pun bakal menyebabkan buah itu tidak berkuliti.

INFO

HARUMANIS

- » Nama saintifik: *Magifera Indica* Linn
- » Harga pasaran: RM35 sekilogram
- » Musim Harumanis: Mac sehingga Mei
- » Anggaran nilai jualan harumanis 2019 sebanyak RM34.6 juta.
- » Anggaran nilai jualan harumanis 2020 sebanyak RM42 juta.
- » Faktor kemarau dan cuaca kering sehingga tiga bulan (musim angin timur) mendorong kepada penghasilan mempelam harumanis yang berkualiti di Perlis.
- » Lazimnya cuaca panas pada sebelah siang dan sejuk waktu malam menyumbang kepada kesesuaian tanaman harumanis sehingga menghasilkan buah yang baik
- » Faktor tanah juga memainkan peranan penting iaitu majoritinya terdiri daripada tanah jenis *alluvium* dan sedimen yang membentuk hampir keseluruhan tanah di negeri ini.

Habis bunga harumanis jadi hitam, rosak

KANGAR: Jika tahun-tahun sebelum ini, Norma Saad, 63, mampu menjana pendapatan sehingga RM30,000 hasil jualan buah mempelam harumanis yang diusahakan di kawasan seluas 0.7 hektar di Kampung Pulau, Simpang Empat di sini.

Selain perbelanjaan harian dan keperluan lain, dengan wang tersebut juga warga emas itu menyumbang untuk menunaikan haji di tanah suci Mekah apabila tiba masanya nanti.

Bagaimanapun musim ini, Norma bakal berdepan kerugian besar apabila hasil harumanis miliknya dijangka merosot sehingga 50 peratus pada tahun depan berikutan pertumbuhan buah tersebut terjejas akibat hujan lebat sepanjang bulan ini.

"Habis bunga (harumanis) jadi hitam dan rosak disebabkan hujan berterusan. Saya terpaksa poniaj dan berharap pertumbuhan



NORMA Saad menunjukkan bunga rosak berwarna hitam di kebun harumanis miliknya di Kampung Pulau, Simpang Empat. Peris semalam. - UTUSAN/MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB

bunga baharu. Sepanjang enam tahun mengusahakan tanaman harumanis, tidak pernah terjadi masalah seperti ini apabila boleh

dikatakan semua pokok, pertumbuhan bunga terjejas.

"Rasa sebak apabila petang-petang datang ke kebun melihat

bunga semuanya hitam. Saya merancang menyimpan duit untuk menunaikan haji, nampaknya musim ini simpanan berkurangan," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Seorang lagi pengusaha, Abdul Rahman Hussin, 40, berkata, dia dijangka berdepan kerugian puluhan ribu ringgit dengan hasil dijangka merosot sehingga 80 peratus.

Dia yang mengusahakan tanaman harumanis di kawasan seluas 0.5 hektar membabitkan 150 pokok itu berkata, lazimnya hasil yang diperolehi setiap musim ialah sekitar empat tan dengan pendapatan lebih RM20,000.

"Apabila jadi begmri hasil boleh berkurang antara 50 peratus sehingga 80 peratus dan hasil pendapatan dijangka sekitar RM5,000 hingga RM6,000 sahaja tahun depan. Keadaan

dijangka lebih buruk jika hujan masih berterusan.

"Selalunya apabila tiba November dan Disember sudah menghasilkan bunga namun apabila hujan berterusan menyebabkan bunga berwarna hitam seterusnya bakal menyebabkan buah rosak atau kualiti buah tidak elok," katanya.

Katanya, proses bunga selalunya akan dilanjutkan sehingga Februari dan hasil sudah boleh dituai antara Mac dan April.

"Lepas ini, bunga berwarna hitam itu terpaksa dipotong dengan harapan akan ada bunga baru. Harap selepas ini, cuaca kembali elok. Jika sebelum-sebelum ini, Disember selalunya cuaca panas berikutan musim angin timur," katanya yang mengusahakan tanaman sejak 2004.